

25/08/1997

Menggarap ilmu pintu hati, fikiran

Maarop Md Noh

SABAN hari apabila kita masuk atau keluar rumah malah bilik sekalipun mesti melalui pintu. Begitu juga jika kita keluar masuk pejabat, kompleks beli-belah, menaiki kenderaan, kita mesti melalui pintu. Pintu dalam kehidupan manusia sama seperti keperluan berpakaian. Jika manusia tidak berpakaian dianggap tidak menyempurnakan fitrah kemanusiaan, justeru tanpa pintu sesebuah rumah tidak lengkap dan ia mungkin tidak dianggap sebagai rumah. Kerana itu fungsi pintu adalah sinonim dengan rumah itu sendiri.

Begitupun jarang sekali kita berfikir bahawa pintu ada hubungan kaitnya dengan ilmu pengetahuan dan peningkatan darjat kemanusiaan. Tetapi orang tua-tua sudah lama mengetahui kepentingan pintu. Ini jelas apabila orang tua-tua sering berkata: `Buka pintu hati' serta `buka pintu fikiran' dan elakkan dihindangi penyakit `tertutup pintu fikir'.

Orang tua-tua tidak sia-sia apabila mereka mengajak kita `membuka pintu hati'. Ini kerana `membuka pintu hati' bererti:

- * Menjadi manusia beriman dan bertakwa;
- * Mempunyai budi dan berakhlak tinggi;
- * Mempunyai nilai kasih-sayang tulen;
- * Menyemai keharmonian dan mengangkat martabat kemanusiaan sejati;
- * Mengekalkan fitrah diri, seperti menyayangi keluarga, memelihara keturunan, memelihara harta, menjaga bangsa, menjaga agama dan menjaga negara;
- * Menanam daya ketenangan diri;
- * Menghargai kemesraan orang lain;
- * Menyemai kejernihan nurani; dan
- * Memperkukuh ketahanan diri dengan mengamalkan prinsip pencegahan dan memelihara kerukunan hidup dan lain-lain.

Sementara `membuka pintu fikiran' pula boleh dihuraikan seperti berikut:

- * Menerima perubahan dengan mempertinggi darjat ilmu;
- * Bersikap terbuka serta menerima teguran dan fikiran jernih;
- * Membuka sempadan minda dengan menerima dan meneroka sesuatu yang baru di samping menggarap pengalaman lama untuk meningkatkan martabat berfikir;
- * Pintar dan bijaksana;
- * Tenang, tidak gopoh dan tidak cepat latah;
- * Mudah bertolak ansur dan tidak panik; dan
- * Inovatif, proaktif, konstruktif dan lain-lain.

Keadaan ini berlainan dengan sikap `tertutup pintu fikir'. Sikap itu boleh menyebabkan, antaranya:

- * Kejumudan berfikir dan menganggap diri sentiasa benar, sementara orang lain salah;
- * Tiada daya tumpuan dan takut bersaing;
- * Tidak responsif kepada alam keliling;
- * Tindakan dan perangai keras serta tidak menghormati orang lain;
- * Cenderung bertindak sendirian dan menzalimi orang lain dan tidak amanah;
- * Menganggap orang lain sebagai musuh; dan
- * Mudah terdorong melakukan tindakan agresif tanpa menggunakan pertimbangan akal dan sebagainya.

Hubungan pintu dengan ilmu dan kehidupan begitu akrab, terutama dalam usaha kecemerlangan minda. Pintu mengajak seseorang melihat suasana aman dalam rumah atau bilik dan apabila melengong keluar pintu kita melihat kehidupan rancak di luar.

Dalam hubungan ini pintu menjadi sempadan antara dunia luar dengan dunia rumah sendiri; pintu mata zahir dan pintu rohaniah. Ia juga menjadi sempadan antara kebijaksanaan dengan kedunguan.

Memang tidak ramai yang menyedari konsep 'membuka pintu hati' dan 'membuka pintu fikiran' itu wujud dalam kehidupan seseorang, tetapi sebenarnya ia berkembang dan mempengaruhi kehidupan seharian setiap individu. Ini kerana kedua-dua konsep itu responsif kepada segala yang positif. Begitu juga 'tertutup pintu fikiran' tetap mempengaruhi seseorang terutama apabila ada kecenderungan kepada sesuatu yang negatif.

Apabila konsep 'membuka pintu hati' dan 'membuka pintu berfikir' bergabung ia membentuk individu atau masyarakat dinamik, dominan, berdaya maju dan sebagainya. Dengan itu ia melahirkan dan membentuk cendekiawan yang pakar dalam pelbagai bidang ilmu yang menjadi wahana memajukan negara, bangsa, agama. Mereka adalah pencetus gerakan pembaharuan ekonomi, politik, sosial, kebudayaan dan pemikiran. Paling penting, individu dan masyarakat terbabit tahu asal-usul dan menghargai kemanisan Islam, Iman dan Ihsan. Mereka menjadi masyarakat bertakwa.

Sementara konsep 'tertutup pintu fikir' bukan saja tidak responsif kepada sesuatu yang positif malah ada yang berusaha menggagalkan kemajuan orang lain. Golongan ini menggunakan pelbagai tipu-helah politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Mereka sanggup menghuruharakan rumah tangga orang lain, mengucar-kacirkan ekonomi sesebuah negara seperti yang dilakukan oleh George Soros terhadap mata wang di Eropah dan Asean, termasuk Malaysia sekarang.

Lebih malang ada antara golongan ini yang sanggup menimbulkan kekeliruan dalam fikiran umat terhadap agama, seperti menafsirkan al-Quran menurut pandangan sendiri malah mengaku Imam Mahadi.

Kemanisan falsafah 'membuka pintu hati' dan 'membuka pintu fikiran' ini dikecapi secara meluas oleh Edward De Bono, pengasas 'lateral thinking'. De Bono menggarap falsafah proaktif ilmu daripada injap 'membuka pintu hati' dan 'membuka pintu fikiran'. Kerana itu De Bono berjaya menukar paradigma berfikir masyarakat dengan memutar jarum berfikir ortodoks kepada berfikir dinamik, konstruktif dan komunikatif yang kondusif kepada pembentukan manusia sejagat.

De Bono yang sudah mengarang lebih 25 buku 'lateral thinking' itu, walaupun tidak secara jelas menggunakan pintu sebagai tapak bertolak untuk melakukan lonjakan 'lateral thinkingnya' namun dari segi falsafahnya, De Bono jelas menggunakan falsafah 'membuka pintu fikiran dan 'membuka pintu hati' dan memindahkannya kepada penjana ilmu dan menggerakkan revolusi berfikir yang hidup dan dinamik. Kerana itu sesiapa yang membaca fikiran De Bono pasti dapat menilai diri sendiri di samping terbawa untuk meningkatkan pendakian minda.

Dengan menggunakan 'pintu' alam paling hampir, seperti kasut (Six Action Shoes), topi (Six Thinking Hats), air (Water Logic) dan lain-lain, De Bono mengetuk pintu minda masyarakat daripada pembaca biasa kepada ahli korporat dan perdana menteri. Fikirannya diterjemahkan ke dalam kehidupan seharian berjuta manusia yang sanggup mengangkat intelektual minda mereka.

Begitu juga dengan bapa pentadbiran moden, Peter Drucker menulis hampir 40 buku juga menggunakan pendekatan 'terbuka pintu hati' dan 'terbuka pintu fikiran'. Peter Drucker dan De Bono menyumbangkan falsafah peningkatan ilmu yang mendalam. Begitu juga tamadun Islam sendiri. Jika kita melihat lebih jauh nescaya kita menemui ramai tokoh yang terpancar daripada 'pintu hati' dan 'pintu berfikir'.

Khalifah Islam kedua Saiyidina Umar al-Khattab, misalnya paling banyak menggunakan pendekatan ini. Beliau memperkaya keadilan sosial Islam sehingga di terima luas di pelusok dunia. Begitu juga Umar Ibnu Aziz, Harun ar-Rashid, Imam Shafie, Imam Malik, Ahmad al-Hanbal, Abu Hanifah,

Imam Ghazali dan ramai lagi. Pemikir paling baru adalah Dr Yusuf al-Qardhawi, Ismail Faruqi, Malek Ben Nabe, Shah Waliyullah, Muhammad Ali Jinnah dan ramai lagi.

Dalam hal ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim juga tidak tercicir. Kedua-duanya secara tersirat mengamalkan falsafah 'membuka pintu hati' dan 'membuka pintu berfikir'.

Kesannya cukup jelas apabila Perdana Menteri menjana falsafah negara maju menerusi Wawasan 2020, mendirikan Koridor Raya Multi Media, menukar falsafah ekonomi negara daripada pengguna membuta-tuli kepada pengeluar yang aktif. Begitu juga di arena antarabangsa, Perdana Menteri melontarkan idea baru yang menyentuh manusia sejagat.

Antaranya mendesak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengkaji dan merombak Deklarasi Hak Asasi Manusia dan sebagainya. Kepada rakyat, Perdana Menteri mengajak mereka mengangkat martabat minda dengan menguasai pelbagai ilmu, khususnya sains dan teknologi supaya dengan itu rakyat boleh meneroka bidang baru untuk menaikkan martabat bangsa Melayu sendiri.

Perdana Menteri juga melihat daripada injap 'membuka pintu hati' dan 'membuka pintu berfikir' itu rakyat boleh menjadi lebih disegani di persada dunia jika mempunyai kelebihan ilmu dan kekuatan ekonomi.

Lebih jauh lagi konsep 'membuka pintu hati' dan 'membuka pintu fikiran' ada hubung kaitnya dengan pintu rahmat, sakinah, kejayaan, hikmat, taubat dan sebagainya. Hubungan itu sesuai dengan falsafah penciptaan manusia sebagai sebaik-baik kejadian. Dalam beragama mereka mengecapai martabat hamba yang warak dan tawaduk, mengecapi kemanisan Islam tulen di samping kekuatan iman dan ihsan yang tinggi.

Al-Quran merakamkan hampir 23 ayat mengenai pintu. Antaranya adalah: "Dan ingatlah ketika Kami berfirman: Masuklah kamu ke negeri ini (Baitul Maqdis) dan makanlah hasil buminya yang banyak lagi enak di mana kamu suka dan masuklah 'pintu' (gerbang itu sambil sujud) dan katakanlah bebaskanlah kami daripada dosa, nescaya Kami ampuni kesalahan dan kelak Kami akan menambah (kurnia Kami) kepada orang yang berbuat baik." - (al-Quran surat al-Baqarah, ayat: 58. Rujukan dalam surah ini ayat 189).

Dalam surah an-Nisa ayat 58 Allah berfirman: "Dan Kami angkat ke atas (kepala) mereka bukit Tursina (untuk) menerima perjanjian (yang kami ambil daripada) mereka dan Kami perentahkan mereka: Masukilah 'pintu' gerbang itu sambil bersujud dan kami perentahkan (pula) kepada mereka: Janganlah kami melanggar peraturan mengenai hari Sabtu dan Kami ambil daripada mereka perjanjian yang kukuh."

Selain itu untuk kemudahan rujukan mengenai hubungan manusia dan pintu dalam al-Quran kita boleh rujuk surat berikut: Surat al-Maidah; 23, al-Israk; 40 dan 161, al-Yusuf; 23, 25 dan 67, ar-Ra'du; 23, al-Hijr; 44, al-Hadid; 13, al-Anaam; 44, an-Namli; 29, Saad; 50, az-Zumar; 71,72 dan 73, al-Ghaafir; 76, al-Qamar; 11, az-Zukhruf; 34.

Hubungan pintu dengan ilmu begitu luas. Malah jika kita kaji ayat mengenai pintu dalam al-Quran jelas ia berhubung rapat dengan tamadun Bani Israel yang cukup tinggi pada satu masa dulu.

Mereka mengamalkan prinsip 'membuka pintu hati' dan 'membuka pintu fikir' sehingga menjadi bangsa disanjung dalam al-Quran. Mereka adalah bangsa yang berilmu dan berhemah tinggi. Tetapi apabila mereka bertindak keluar daripada prinsip 'membuka pintu hati' dan 'membuka pintu berfikir' sebaliknya mengamalkan 'tertutup pintu fikir' mereka dilaknat Allah. Mereka jadi bangsa yang zalim dan penganiaya paling besar dalam sejarah.

Kekejaman Israel yang mendapat restu Amerika, Perancis, Britain, Itali dan Russia itu terhadap penduduk Palestin membuktikan mereka bukan saja bertolak daripada prinsip 'tertutup pintu fikir' malah lebih zalim daripada itu. Mereka lebih barbarik daripada serigala yang tidak ada

naluri belas kasihan.

(END)